

20 APR 1996

Mahathir - Lubnan

MALAYSIA GESA HENTIKAN SEGERA SERANGAN ISRAEL KE ATAS Lubnan

SARAJEVO, 20 April (Bernama) -- Kerajaan Malaysia dan Bosnia menggesa agar dihentikan segera serangan Israel di selatan Lubnan.

Pada persidangan berita bersama di sini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya Dr Hassan Muratovic berkata usaha hendaklah dibuat bagi menghentikan serangan itu.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah menghantar surat kepada Presiden Bill Clinton, pemimpin Senat Bob Dole, Perdana Menteri Israel Shimon Peres dan Perdana Menteri Lubnan Rafic Hariri berhubung serangan itu.

"Kita (Malaysia) telah menghantar surat-surat kepada Clinton, Dole, Hariri dan Peres yang umumnya menyebut bahawa serangan bom itu hendaklah dihentikan kerana anda tidak boleh menyelesaikan masalah itu menerusi serangan bom yang hanya menjejaskan orang awam.

"Hizbollah tidak terjejas sedikit pun. Ternyata anda perlu lakukan sesuatu yang lain," katanya.

Dr Mahathir berkata pertamanya Israel hendaklah meninggalkan wilayah-wilayah milik Lubnan.

Adalah dipercayai Dr Mahathir menghantar perutusan itu dari Zagreb, Croatia di mana beliau memulakan lawatan ke tiga buah negara Balkan pada Khamis.

Sekurang-kurangnya 100 orang terbunuh dan 300 lagi cedera semasa serangan bom Khamis oleh pasukan tentera Israel ke atas pangkalan pengaman Bangsa-bangsa Bersatu di Tyre.

Muratoric melahirkan rasa kesal kerana dunia masih membenarkan tindakan seumpama itu berlaku.

"Kami melihat gambar-gambar (tv) petang semalam dengan penuh sedih. Ia mengingatkan kami gambaran yang betul-betul sama pernah berlaku di sini. Kami kesal kerana dunia masih boleh bertolak-ansur dengan keadaan ini," katanya.

"Ia satu jenayah tulen... kita hanya boleh mengutuknya. Tetapi kami terperanjat kerana tidak ada reaksi kuat dari dunia," katanya. -- Bernama.

MOK CR AHH